

Notifikasi: Penutupan Takafulink Dana Ekuiti kepada Sumbangan Baharu

Pelanggan yang Dihargai,

Terima kasih kerana memilih Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Kami amat menghargai kepercayaan yang telah anda berikan kepada kami dan komited untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda. Sebagai panduan yang dipercayai, kami membantu anda menyesuaikan diri dengan perubahan serta merancang masa depan dengan lebih yakin. Sebagai sebahagian daripada komitmen PruBSN terhadap pengurusan dana yang lestari serta menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik, kami ingin memaklumkan kepada anda mengenai kemas kini penting bagi Dana Takafulink kami – Takafulink Dana Ekuiti.

Ringkasan kemas kini:

Dana	Takafulink Dana Ekuiti (TDE)
Apakah perubahannya?	Mulai 15 November 2026, TDE tidak lagi akan menerima wang pelaburan baharu. Walau bagaimanapun, simpanan sedia ada anda dalam dana ini akan terus dilaburkan dan tidak akan terjejas. Sumbangan berulang anda akan dialihkan secara automatik ke Takafulink Dana Ekuiti 2 (TDE2).
Tindakan yang diperlukan	Tiada tindakan diperlukan daripada pihak anda. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk menukar dan/atau menyalurkan sumbangan berulang anda ke dana lain, kerana TDE dan TDE2 mungkin mempunyai profil risiko yang berbeza. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk jadual perbandingan di bawah.
Apakah yang akan berlaku jika tiada tindakan diambil?	Unit pelaburan sedia ada anda dalam TDE akan kekal seperti sedia ada dan sumbangan masa hadapan akan dilaburkan ke dalam TDE2.

Berikut adalah perbezaan utama antara TDE dan TDE2:

Butiran	TDE	TDE2
Jenis Dana	Melabur secara langsung dalam ekuiti	Akan dilaburkan ke dalam 2 Dana Sasaran Dana Sasaran 1: Principal Islamic Institutional Equity Fund Dana Sasaran 2: AIIMAN Global Equity Fund
Pengurus Dana	Eastspring AI-Wara' Investments	Dana Sasaran 1: Principal Islamic Asset Management Dana Sasaran 2: AIIMAN Asset Management

Butiran	TDE	TDE2
Peruntukan Aset dan Geografi	Ekuiti tempatan	Dana Sasaran 1: $\geq 70\%$ ekuiti tempatan Dana Sasaran 2: $\leq 30\%$ ekuiti global
Faktor Risiko	1. Risiko mata wang - Pelaburan adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia (MYR). 2. Risiko tumpuan - TDE melabur sepenuhnya dalam Malaysia, yang mungkin menjadikannya lebih terdedah kepada perubahan buruk dalam peraturan, perkembangan politik dan peristiwa ekonomi yang menjejaskan negara.	1. Risiko mata wang - Sehingga 30% daripada TDE2 mungkin didenominasikan dalam mata wang asing. Pergerakan kadar pertukaran antara mata wang asing dan MYR boleh menyebabkan nilai TDE2 naik atau turun. 2. Risiko tumpuan - TDE2 mungkin terdedah kepada perubahan buruk dalam peraturan, perkembangan politik dan peristiwa ekonomi di negara-negara yang dilaburkannya. Walau bagaimanapun, pendedahan yang dipelbagaikan mungkin membantu mengurangkan kebergantungan dana terhadap peristiwa buruk di mana-mana satu negara.
Penanda Aras	Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia	70% Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia + 30% Indeks Pasaran Islam Dunia Dow Jones

Untuk maklumat lanjut mengenai kemas kini ini, sila rujuk kepada Soalan Lazim dan butiran dana yang tersedia di Laman Web Korporat kami: <https://www.prubsn.com.my/ms/claims-and-services/services/takafulink-funds-performance-information/>.

Kami memberi jaminan bahawa perubahan ini tidak akan melibatkan sebarang bayaran tambahan dan perlindungan Takaful anda akan kekal tanpa sebarang perubahan. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh pelaksanaan yang disasarkan, kami akan memaklumkan kemas kini tersebut di Laman Web Korporat kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi ejen yang berkhidmat/wakil bank anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui e-mel di customer@prubsn.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di +603 2775 7188.

Terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda.

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

[Nota: Ini adalah dokumen yang dijana oleh komputer dan tidak memerlukan tandatangan. Maklumat adalah setakat 12 Julai 2026.]

Sila abaikan surat ini jika sijil anda tidak lagi berkuat kuasa pada masa anda menerima surat ini.

Soalan Lazim

Penutupan Takafulink Dana Ekuiti kepada Sumbangan Baharu

1. Penutupan Dana kepada Wang Pelaburan Baharu

- **Mengapakah Takafulink Dana Ekuiti (TDE) tidak lagi menerima sumbangan baharu?**

Saiz dana TDE telah berkembang menjadi agak besar. Bagi memastikan prestasi dana yang mampan pada masa hadapan, saiz dana TDE perlu dikekalkan pada tahap optimum bagi membolehkan akses kepada peluang pelaburan yang lebih baik.

- **Apakah yang akan berlaku kepada pelaburan sedia ada saya dalam Takafulink Dana Ekuiti (TDE)?**
Pelaburan semasa anda dalam TDE akan kekal seperti sedia ada. Tiada tindakan diperlukan daripada pihak anda. Walau bagaimanapun, jika anda ingin menukar pelaburan anda ke dana lain, anda boleh berbuat demikian dengan menghantar e-mel kepada kami di customer@prubsn.com.my atau mengunjungi cawangan terdekat.

2. Pengalihan sumbangan berulang

- **Apakah yang akan berlaku kepada sumbangan berulang saya?**

Sumbangan berulang anda akan dialihkan secara automatik ke Takafulink Dana Ekuiti 2 (TDE2). Tiada tindakan diperlukan daripada pihak anda.

Walaupun bagaimanapun, jika anda lebih memilih untuk mengalihkan sumbangan anda ke dana lain atau menukar kadar peruntukan pelaburan, anda boleh menghantar e-mel kepada kami di customer@prubsn.com.my atau mengunjungi cawangan terdekat untuk membuat kemas kini tersebut sebelum 15 November 2026.

- **Bolehkah anda terangkan lebih lanjut mengenai dana baharu – Takafulink Dana Ekuiti 2 (TDE2)?**
TDE2 bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset domestik dan global termasuk ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, deposit Islam, atau sebarang instrumen kewangan Islam lain secara langsung dan/atau secara tidak langsung melalui pelaburan dalam mana-mana dana Islam seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang ditetapkan oleh kami, skim-skim pelaburan kolektif Islam dan/atau dana-dana dagangan bursa Islam. TDE2 disalurkan ke dalam Principal Islamic Institutional Equity Fund, yang diuruskan oleh Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. dan AIIAMAN Global Equity Fund, yang diuruskan oleh AIIAMAN Asset Management Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut mengenai TDE2, sila rujuk Helaian Fakta Dana Utama yang tersedia di Laman Web Korporat kami.

- **Bilakah saya boleh mengemas kini pengalihan sumbangan berulang saya?**

Anda boleh mengemas kini sumbangan berulang anda pada bila-bila masa. Sebaik sahaja kami menerima arahan anda, perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh sumbangan seterusnya.

- **Adakah terdapat sebarang bayaran tambahan jika saya mengalihkan sumbangan berulang saya?**
Tidak, tiada sebarang bayaran tambahan. Perlindungan Takaful anda dan caj pengurusan dana akan kekal tidak berubah.
- **Apakah yang perlu saya lakukan jika saya memerlukan bantuan segera atau mempunyai pertanyaan lanjut?**
Sila hubungi ejen perkhidmatan/wakil bank anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui e-mel di customer@prubsn.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di +603 2775 7188.